

SEJARAH PENTADBIRAN JABATAN PERDANA MENTERI

DARI TAHUN 1977 hingga TAHUN 1986

1 Januari 1977	<p>Pejabat Pegawai Keselamatan dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri melalui Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1977 yang mana Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan bertanggungjawab kepada JPM dan bukan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan akan meneruskan tugas-tugas yang ada dan mana-mana tugas yang diberikan oleh Ketua Setiausaha Negara dari masa ke semasa.</p> <p>Sebelum ini, hanya jawatan Pegawai Keselamatan Kerajaan diwujudkan di JPM pada 15 Jun 1957 dan ditempatkan di JPM yang mana bertanggungjawab memberi nasihat keselamatan perlindungan kepada kerajaan/kementerian dengan tujuan membantu jabatan-jabatan ini dari segi keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan peribadi agar dapat menentang aktiviti pengintipan, pengkhianatan dan pembocoran maklumat tanpa kebenaran dari jabatan kerajaan.</p>
Mei 1977	<p>Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (UPTM), lebih dikenali sebagai MAMPU iaitu singkatan bagi <i>Malaysian Administrative Modernisation and Manpower Planning Unit</i> ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. MAMPU telah diberi tanggungjawab menjalankan dan menyelaras proses-proses perancangan dan kemajuan tenaga manusia serta perancangan pemodenan tadbiran di samping memberi perkhidmatan perunding pengurusan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan.</p>
1977	<p>Tribunal Perkhidmatan Awam ditubuhkan dan diletak di bawah portfolio di Jabatan Perdana Menteri.</p>
3 Oktober 1979	<p>Unit Urusetia Persidangan Antarabangsa ditubuhkan bagi mengelola dan membantu sebarang persidangan/seminar/bengkel di peringkat antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia. Ia bertanggungjawab kepada Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.</p>
1 Januari 1980	<p>Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi & Perancangan Am (SERGPU) dan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia (MCDS) dicantumkan</p>

	<p>menjadi sebuah unit di bawah JPM. Nama baru Unit tersebut adalah Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi atau <i>Sosio-Economic Research Unit (SERU)</i> dan diletakkan di bawah Menteri Tak Berpotfolio.</p> <p>Biro Pengaduan Awam (BPA) yang dahulunya di bawah pentadbiran Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am (SERGPU) dipindahkan ke JPM di bawah tanggungjawab Timbalan Ketua Setiausaha.</p> <p>Bahagian Kemajuan Petroleum dipindahkan dari bidang pentadbiran Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am (SERGPU) ke Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di bawah tanggungjawab Timbalan Ketua Setiausaha.</p> <p>Kerja-kerja pengawalan bencana banjir yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am (SERGPU) seperti menerima laporan dan membuat cadangan kepada Kementerian/Jabatan yang terlibat mengenai banjir dipindahkan kepada Kementerian Pertanian di bawah tanggungjawab Jabatan Parit dan Taliair. Perkara-perkara berkaitan dengan setinggian adalah di bawah tanggungjawab Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan.</p> <p>Jawatankuasa Penentuan Pengajian Sosio-Ekonomi (JPPS) ditubuhkan untuk membantu Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERU) dalam menyenaraikan keutamaan tajuk-tajuk penyelidikan sosio-ekonomi yang hendak dijalankan.</p>
<p>15 Sept. 1980</p>	<p>Dengan pembubaran Kementerian Undang-Undang dan Peguam Negara, Jabatan Pemegang Harta, Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbir Pusaka, Biro Narkotik, Biro Guaman, Biro Siasatan Negara dan Pejabat Peguam Negara diletak di bawah portfolio Jabatan Perdana Menteri.</p>
<p>9 Mac 1981</p>	<p>Urusetia Perancangan Lembah Kelang ditubuhkan dengan rasminya, sebagai satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri. Penubuhannya berdasarkan kepentingan pembangunan kawasan Lembah Kelang dirancang dan diselaraskan sebagai sebuah wilayah pembangunan.</p>
<p>Oktober 1981</p>	<p>Biro Tatanegara (BTN) merupakan sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1974 di bawah Program Belia dan dikenali</p>

	<p>sebagai Unit Penyelidikan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.</p> <p>Pada Oktober 1981, Unit ini diletakkan terus di bawah JPM. Ibu pejabat Unit Penyelidikan Belia ketika ini di Jalan Kelantan, KL. Ini adalah selaras dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1974 yang memperlihatkan pengasingan aktiviti belia daripada aktiviti pelajar universiti.</p> <p>Pada Jun 1982, Unit Penyelidikan Belia ditukar kepada Biro Tatanegara dan tiga buah pejabat cawangan telah diwujudkan di zon utara, selatan dan timur..</p>
1982	<p>Unit Perancang Ekonomi ditubuhkan sebagai agensi pusat Kerajaan dan Urus setia kepada Majlis Perancang Negara, Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara, Jawatankuasa Pelabuhan Asing dan Panel Ekonomi. Sebelum ini ia dikenali sebagai Bahagian Perancang Ekonomi. Objektif utama Unit Perancang Ekonomi ialah :-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merangka strategi perancangan pembangunan ekonomi negara berasaskan unjuran-unjuran ekonomi secara makro, sumber-sumber yang akan dihasilkan, perubahan yang berlaku dalam ekonomi serta mengambil kira rancangan-rancangan sektoral program-program dan projek-projek di peringkat pusat, wilayah sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.
1983	Jabatan Rukun Tetangga ditubuhkan.
1983	Unit Tenaga Nuklear diletakkan di bawah JPM pada tahun 1983. Sebelum ini Unit ini ditubuhkan pada 1972 sebagai Pusat Penyelidikan Tenaga atom Tun Dr. Ismail (PUSPATI). Pada Oktober 1990, Unit ini dipindahkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.
17 Julai 1984	Kementerian Kehakiman ditubuhkan dan Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbiran Pusaka. Jabatan Pemegang Harta, Biro Terjemah Persekutuan dan Biro Bantuan Guaman dipindah dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Kehakiman.

1 Januari 1985	Institut Sistem Mikro-Elektronik Malaysia (MIMOS) ditubuhkan dengan tujuan menyediakan pelbagai infrastruktur penting bagi meningkatkan perkembangan industri elektronik tempatan.
11 Feb. 1985	Lembaga Pelesenan Tenaga Atom ditubuhkan sebagai badan penguat kuasa Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984. Objektif penubuhan Lembaga ini ialah untuk mengawalselia dan mengawal pengeluaran pemunyaan dan penggunaan tenaga di seluruh negara.